

04/03/2004

Orang ramai anggap masa sesuai mengundi

Rodhiah Abu Yazid

KUALA LUMPUR: Pilihan raya yang akan diadakan pada bila-bila masa berikutan pembubaran Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) hari ini, dianggap diadakan pada masa yang tepat.

Tinjauan Berita Harian di sekitar bandar raya ini, mendapati orang ramai berasakan ini adalah masa sesuai untuk diadakan pilihan raya, sekali gus memberi mandat baru kepada kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Eksekutif Pemasaran, Sivarao Aparahu, 23, berkata pilihan raya kali ini amat bermakna baginya kerana ini adalah kali pertama beliau mengundi.

"Ini kali pertama saya akan keluar mengundi. Ini pengalaman baru bagi saya. Masa ini juga adalah yang terbaik untuk orang ramai menyuarakan pendapat mereka mengenai apa-apa masalah kepada pemimpin mereka, dan ini juga adalah waktu yang terbaik untuk pemimpin memberi perhatian sewajarnya kepada rakyat", katanya.

Mahasiswa Universiti Putra Malaysia, (UPM), Mohd Adnan Daud, 29, berkata kini masa sesuai untuk pilihan raya kerana parti komponen Barisan Nasional (BN) sudah stabil, tanpa konflik seperti sebelumnya.

"Kita lihat bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad masih ada untuk memberi semangat kepada kerajaan kita.

"Parti dalam BN, seperti MCA dan MIC, tidak kucar-kacir. Ini adalah satu cabaran kepada Perdana Menteri kita yang baru menerajui kerajaannya", katanya.

Penolong jururawat, Aryati Sarikh, 33, pula berkata, beliau berharap semua rakyat Malaysia akan menjalankan kewajipan masing-masing untuk keluar mengundi.

"Sebagai warga negara, satu kewajipan untuk mengundi, untuk memilih siapa yang betul-betul layak memerintah negara. Masa yang sesuai, memandangkan cuti sekolah pun nak dekat. Saya sebagai rakyat Malaysia gembira untuk keluar mengundi," katanya.

Ahli perniagaan, Sonny Soh, 60, berkata Perdana Menteri memerlukan mandat baru untuk mentadbir kerajaan dan pilihan raya perlu diadakan pada masa sesuai.